

Haiwan batu Supari – 10



Berita Minggu **Perspektif**

AHAD, 20 Februari 2005


# PESTA BORONG



SYURGA membeli-belah. Kenderaan sentiasa sesak di kawasan Nilai 3 pada hujung minggu dan cuti umum. – Gambar oleh Rasul Azli Samad




PINTU masuk Nilai 3, Negeri Sembilan bagaikan pasar borong barang murah.

Oleh Ahmad Fauzi Mustafa

SEGALA-GALANYA ada di Nilai 3. Harga yang ditawarkan di situ dikira lebih murah berbanding tempat lain. Persediaan awal pengunjung ialah melihat poket dan jenis barang yang hendak dibeli kerana ada 260 kedai di situ yang menyebabkan pengunjung tidak cukup masa untuk meninjau dari satu kedai ke satu kedai dan dari satu blok ke blok bangunan lain.

Pada Sabtu dan Ahad serta cuti umum terutama pada awal dan akhir bulan ketika pengunjung mendapat gaji pasti lebih meriah. Nilai 3 bagaikan pesta jualan borong dengan suasana hingar-bingar dan pengunjung bersimpang siur hingga sesetengahnya menghadapi masalah mencari tempat letak kereta.

"Murah! Murah! Mari sini abang... mari sini kakak, barang baik, baru sampai" jerit seorang jurujual wanita. Di sudut lain pula kedengaran lagi kuat pekikan seorang lelaki, "Sini lagi murah... susah hendak dapat barang ini di tempat lain".

Suasana meriah lebih terasa menjelang petang apabila cuaca tidak begitu terik. Malah suasana di situ nampak lebih hebat berbanding Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) dan Jalan Petaling di Kuala Lumpur.

Kelihatan juga sekumpulan penumpang tidak sabar-sabar turun dari sebuah bas ekspres dan sewa khas yang meluru ke arah beberapa lot kedai di Nilai 3. Kemungkinan kumpulan itu datang dari negeri Pantai Timur berdasarkan nombor pendaftaran bas ekspres yang mereka naiki.

Keghairahan untuk membeli sudah lagi tidak dapat ditahan-tahan. Bayangkan harga RM10, RM10.90, RM12, RM12.90 dan RM16 pada harga sepasang kain yang dijual kepada pengunjung. Belum kira harga tudung beraneka jenis yang dijual dari harga RM4 hingga RM10 sehelai.

> Bandar Nilai termasuk Nilai 3 ketika dulu adalah satu pekan yang sunyi tetapi kini menjadi kawasan pusat borong terbesar di negara ini

Malah pengunjung yang meminati bunga plastik juga boleh membeli pada harga RM1 atau RM2 sekuntum. Ini belum lagi bingkai gambar dan lukisan yang dihiasi ayat suci al-Quran, imej bunga dan buah yang lebih murah berbanding tempat lain. Harga pinggan mangkuk termasuk yang berjenama juga dikatakan seimbang berbanding Langkawi dan Padang Besar.

Bagi pengunjung yang berminat menghias rumah, banyak kedai menjual pokok hiasan dan landskap taman rumah. Tidak ketinggalan barangan seramik, perabot jati dan rotan dari Vietnam dan Indonesia, selain barangan buatan China yang mendominasi lot niaga di Nilai 3.

Di samping itu, pengunjung terutama kalangan remaja berpeluang membeli gambar artis tempatan seperti Siti Nurhaliza, Anwar Zain, Vince, Erra Fazira, Waheeda, Nasha Aziz, Maya Karin dan ramai lagi dengan harga RM4 sekeping atau RM10 bagi tiga keping. .

Hanya menghala ke selatan dalam perjalanan 40 minit hingga satu jam dari


LIHAT MUKA 3





ORANG ramai mengunjungi satu kedai menjual barang hiasan.




HARGA kain yang murah sentiasa dinanti-nantikan oleh wanita di Nilai 3.



GAMBAR artis pujaan juga boleh diperolehi di sini.

# Berpotensi jadi zon bebas cukai



BARANGAN perhiasan ala Bali kerap menjadi tumpuan ramai.

DARI MUKA 1

Kuala Lumpur, bandar Nilai termasuk Nilai 3 ketika dulu adalah satu pekan yang sunyi tetapi kini menjadi kawasan pusat borong terbesar di negara ini.

Terletak di kawasan perindustrian yang pesat membangun, setiap minggu bermula jam 10 pagi hingga 10 malam, lebih 100,000 pengunjung dari seluruh negara singgah di Nilai 3, semata-mata mencari barang murah terutama buatan negara China sejak dibuka pada 2002.

Malah, pada setiap Sabtu dan Ahad, Nilai 3 dikunjungi lebih 10,000 pengunjung tempatan dan angka itu bertambah pada musim cuti persekolahan serta cuti umum.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan pernah menyuarakan Bandar Baru Nilai sepatutnya direka bentuk sebagai zon bebas cukai sebagai satu daya tarikan terutama kepada penumpang transit di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Kita hendak mempertingkatkan perolehan pelancongan di Negeri Sembilan. Setakat Jun (tahun lalu), kita sudah menerima 2.47 juta kedatangan pelancong dan sepanjang 2003, kita menerima 3.5 juta pelancong. Saya melihat kawasan Nilai adalah berpotensi sebagai tarikan baru pengunjung," katanya.

Kebenaran itu ada logiknya. Nilai 3 boleh dikatakan himpunan tempat tarikan dan tumpuan seluruh negara seperti Jalan TAR (kain dan langsir), Jalan Masjid India (kain, langsir, keperluan rumah) dan Jalan Petaling (jam, beg, baju, permainan kanak-kanak) di Kuala Lumpur; Ayer Hitam, Kluang (pasu, bantal, seramik, keropok, kerepek, bunga hiasan), Tangkak, Muar (tekstil) dan Kampung Kemboja, Kota Tinggi (baju dan kain) di Johor; Batu Feringgi (jam, barangan hiasan, baju) di Pulau Pinang; bandar Kota Bharu, Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang (pinggan mangkuk, tudung, kain, permainan kanak-kanak dan makanan, bunga hiasan) di Kelantan serta Bukit Kayu Hitam dan Langkawi (pinggan mangkuk, makanan, barangan kulit, peralatan elektrik) di Kedah.

Memang diakui beberapa suri rumah yang ditemui bahawa segala-galanya ada di Nilai 3. Hanya yang perlu ialah pengunjung harus tahu apa yang hendak dibeli. Itu tips ringkas yang diberikan peniaga kepada pengunjung.

Ini kerana pernah berlaku seorang pengunjung berbelanja hampir RM10,000 dalam satu lawatan di Nilai 3. "Penuh satu kereta dan mujurlah pengunjung itu membawa kereta MPV," kata seorang peniaga di situ.

Harga yang agak murah, berbaloi serta boleh tawar menawar menjadikan Nilai 3 sebagai pusat beli-belah pilihan utama dan mendapat tempat di kalangan pelancong. Ada 260 kedai menjual pelbagai keperluan rumah di Nilai 3 yang menawarkan harga lebih rendah berbanding tempat lain.

Perkembangan ini menurut peniaga di situ adalah satu petanda bahawa ekonomi bertambah baik. Jualan murah boleh dijadikan pengukur dan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi industri, terutama sektor pelancongan.

Kemasukan pengunjung tempatan dari Kuala Lumpur, Selangor, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Melaka dan Johor semata-mata untuk membeli-belah memberi kesan baik dan memberi kesan kepada industri barangan secara pukal.

Secara tidak langsung, perniagaan makanan dan minuman turut menerima kesan daripada jualan murah dan kemeriahan di Nilai 3.

Di samping itu, ia bukan sekadar memberi peluang kepada orang ramai membeli barangan dengan kadar lebih murah, malah memberi kesan besar kepada perkembangan industri lain.



SERAMIK menjadi pilihan pengunjung.